

Pas mengaku parti Islam tetapi tidak beri peluang Hasan bela diri
Utusan Online
20 Mac, 2012

KUALA LUMPUR 19 Mac - Dua Ahli Parlimen hari ini mempertikaikan tindakan Pas yang mengaku memperjuangkan Islam tetapi memecat bekas Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Dr. Hasan Ali sebagai ahli parti tanpa mengikut prosedur.

Malah, mereka bersimpati dengan nasib Hasan apabila Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gombak Setia itu yang ketika memegang jawatan Exco, bersungguh-sungguh memperjuangkan kepentingan Islam, namun, langsung tidak diberi peluang untuk membela diri sebelum dipecat oleh pucuk pimpinan Pas.

Datuk Zulkifli Noordin (Bebas-Kulim Bandar Bharu) ketika mencelah berkata, begitulah sifat Pas yang mengaku parti Islam tetapi bertindak sebaliknya.

"Mengaku Islam tetapi pecat Hasan tanpa beri sebab, tanpa beri peluang beliau untuk membela diri," kata Zulkifli dalam celahannya semasa Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) membahaskan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat hari ini.

Mohamad ketika memberi reaksi terhadap celahan tersebut berkata, Pas telah memecat seorang pemimpin parti itu yang begitu komited berjuang menghapuskan perkara-perkara maksiat yang berlaku di Selangor.

"Dr. Hasan Ali perjuang jangan minum arak, perjuang hapuskan pelacuran tetapi beliau dipecat (oleh Pas)," kata Mohamad lagi.

Sementara itu, tindakan segelintir Ahli Parlimen yang sering membuat 'drama' pergaduhan di dalam persidangan tetapi baik dan berpelukan di luar dewan turut ditegur.

Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar membuat teguran itu dalam usahanya menghentikan pertikaman lidah antara beberapa Ahli Parlimen dengan menasihati mereka segera baik dan tidak menunggu sehingga keluar dewan.

"Jangan pula di dalam dewan bergaduh, di luar dewan berpeluk pula," kata Wan Junaidi.

Teguran yang sama dibuat seorang lagi Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Ronald Kiandee apabila Ahli Parlimen Sri Gading, Mohamad meminta agar diberikan tambahan masa untuknya berbahas.

Giliran Mohamad berbahas bertukar kecoh apabila Dr. Dzulkefly Ahmad (Pas-Kuala Selangor) dan Zulkifli (Bebas-Kulim Bandar Baru) bangun mencelah ketika Ahli Parlimen Sri Gading itu mempersoalkan kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang menolak kerjasama dengan rejim Zionis tetapi bersedia bekerjasama dengan Yahudi.

Kiandee ketika menjawab permintaan Mohamad berkata: "Kadang-kadang bergaduh dalam dewan ini nanti di luar dewan dia peluk cium pula...yang susahya speaker."

Isu mengenai Ahli Parlimen 'berentap' di dalam tetapi berbaik di luar dewan menjadi tumpuan umum apabila 'drama tomyam' berlaku Khamis lalu di antara Datuk Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak) dan Salahuddin Ayub (Pas-Kubang Kerian) yang kemudiannya berakhir dengan kedua-dua mereka berbaik semula sebaik sahaja keluar dari dewan persidangan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0320&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm